

'Tak wajar persalahkan Melayu dipengaruhi isu kaum, agama'

PM nafi Konsep MADANI gagal tarik sokongan, rakyat perlu masa untuk faham

Oleh Rohaniza Idris dan
Essa Abu Yamin
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim menolak dakwaan yang menyatakan Konsep MADANI yang dibawa kerajaan di bawah pentadbirannya ketika ini, tidak berkesan bagi menarik sokongan pengundi Melayu.

Sebaliknya, Perdana Menteri menegaskan, orang Melayu masih memerlukan masa memahami konsep itu.

Beliau yang juga Pengerusi Pakatan Harapan (PH), menolak sikap yang sering menyalahkan orang Melayu yang dikatakan mudah terpengaruh dengan isu kaum dan agama.

"Saya juga tidak setuju ada pihak gunakan isu perkauman dan agama untuk menakutkan orang Cina," katanya kepada media selepas melancarkan Majlis Pecah Tanah Residensi Wilayah dan Residensi Prihatin Madani di sini, semalam.

Perdana Menteri berkata demikian sebagai mengulas laporan yang menyebut strategi Malaysia MADANI tidak berkesan bagi menarik pengundi Melayu ketika Pilihan Raya Negeri



Perdana Menteri dan isteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail menyaksikan tayangan multimedia pada majlis pecah tanah Residensi Wilayah dan Residensi Prihatin Madani serta Pusat Penjaja Madani di Desa Tasik Sungai Besi, semalam.

(Foto Asyraf Hamzah/BH)

(PRN) yang berlangsung pada Sabtu lalu.

Sebelum ini, pusat penyelidikan bebas, Ilham Centre, mendapati hanya 39 peratus orang Melayu dari Kedah, Kelantan, Terengganu, Pulau Pinang, Selangor dan Negeri Sembilan, memahami konsep MADANI yang diperkenalkan Kerajaan Perpaduan.

Laporan yang dikeluarkan dua hari sebelum hari pengundian PRN itu, menyatakan 61 peratus kaum Cina dan 55 peratus kaum India, menerima konsep itu dengan baik.

Anwar menegaskan pemahaman konsep Malaysia MADANI yang dibawa Kerajaan Perpadu-

an perlu mengambil masa untuk difahami rakyat.

Tegasnya, Malaysia MADANI adalah suatu konsep yang menyeluruh, bukan mengenai soal wang berjuta dan berbilion ringgit.

Justeru, katanya, Kerajaan Perpaduan akan mengukuhkan jentera dan kepimpinan untuk bekerja lebih keras menterjemah dan mempromosi konsep itu untuk difahami rakyat.

Dalam masa yang sama, Anwar turut menolak dakwaan orang muda turut gagal memahami konsep MADANI itu, sebaliknya

menyifatkan mereka dipesongkan dengan kenyataan yang salah mengenainya.

Beliau menegaskan, bukan suatu yang aneh gelombang kebangkitan kumpulan konservatif dalam pilihan raya seperti yang dialami Malaysia ketika ini.

"Di Eropah yang ada kecanggihan dan ilmu pendidikan yang tinggi juga, sokongan kepada aliran perkauman dan agama seperti Nazi, semakin meningkat begitu juga di Amerika Syarikat, fahaman yang dipanggil Christian Rights yang keras juga semakin mendapat tempat," katanya.

Beliau berkata, bagi menanga-

ni kebangkitan aliran sedemikian, kerajaan akan menyantuni rakyat, dengan menggunakan hikmah, kebijaksanaan dan prestasi kerja.

"Ini saya tegaskan dalam mesyuarat Kabinet semalam, bahawa kita perlu menjalankan kerja dengan ikhlas... dan mustahil kita ditolak jika ada keikhlasan dan jujur melaksanakan serta berjuang menolak rasuah," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan juga, Anwar menegaskan, tahap hubungan kerjasama di antara pentadbirannya dengan kerajaan negeri di bawah pembangkang, bergantung kepada sikap pimpinannya kepada Kerajaan Pusat.

Katanya, beliau menyerahkan kepada negeri berkenaan untuk meneruskan kerjasama atau sebaliknya, berdasarkan syarat yang ada.

"Terserah kepada sikap mereka, kalau mahu kerjasama, saya akan (pastikan) mereka mengikut kaedahnya. Ini bukan hanya dari segi kenyataan saja, tetapi (dari segi) tindakannya.

"Saya nak pastikan semangat tatakelola itu betul, jika mahu wang untuk orang miskin, bagi kepada orang miskin, jangan agihkan kepada lain, saya sangat tegaskan bab ini," katanya.

PRN membabitkan enam negeri pada Sabtu lalu, menyaksikan PN mengekalkan penguasaan di Kedah, Kelantan dan Terengganu, sambil menambah kerusi Dewan Undangan Negeri di Negeri Sembilan, Selangor dan Pulau Pinang, yang kekal di bawah gabungan Pakatan Harapan-Barisan Nasional (PH-BN).